

14. MENAPAKKAN SEMULA RUMAH-RUMAH KAMPUNG JENIS PELAN TETAP

Rumah-rumah Kampung Jenis Pelan Tetap telah dibenarkan untuk ditapakkan semula tanpa mengemukakan pelan-pelan bangunan asalkan rumah-rumah seumpama itu tidak bertukar rekabentuk dan saiznya dan tertakluk kepada pemilik-pemilik yang berkenaan mengemukakan pelan-pelan tapak bina yang menunjukkan tempat di mana rumah-rumah itu akan ditapakkan semula serta surat-surat keizinan daripada pemilik-pemilik tanah yang memberi persetujuan bagi rumah-rumah tersebut ditapakkan semula di atas tanah-tanah mereka dan juga dengan syarat pemilikan itu disahkan benar.

(Diluluskan pada 2-3-78)